



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
THE OFFICE OF STATE SECRETARY OF SABAH
JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



skn.sabah.gov.my

Telefon : +6088-369 900
: +6088-369 901
Faksimile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : JKM.100-29/1 Jld.12
Tarikh : 10 Jun 2024

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah/ Penolong Pegawai Daerah
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun dan Agensi Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk/ Tuan/ Puan,

PERJALANAN KE LUAR NEGARA ATAS TUJUAN LAWATAN RASMI

Dengan hormatnya, saya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan langkah memastikan lawatan rasmi ke luar negara berdasarkan kepada keutamaan atau kepentingan negeri dan perkhidmatan awam serta mematuhi prinsip *value for money*, Kerajaan Negeri memutuskan supaya sebarang lawatan rasmi ke luar negara yang melibatkan Ahli Pentadbiran Negeri (APN), penjawat awam negeri dan Ahli Lembaga Pengarah (BOD) perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jemaah Menteri.
3. Permohonan hendaklah disediakan dalam bentuk Kertas Makluman dan dikemukakan kepada Bahagian Kabinet dan Dasar, Jabatan Ketua Menteri sekurang-kurangnya lima (5) hari bekerja sebelum Mesyuarat Jemaah Menteri bersidang.
4. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan sehingga ia dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG)
Setiausaha Kerajaan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”